

NO. SOALAN: 96

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. TAN KEE KWONG
[WANGSA MAJU]**

TARIKH : 16 MEI 2016

RUJUKAN : 8958

SOALAN:

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah penagih dadah mengikut pecahan negeri dan kaum bagi tahun 2006-2016 dan berapakah jumlah penagih yang telah berjaya pulih sepenuhnya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih kepada Yang Berhormat dari Wangsa Maju yang bertanyakan soalan.

Mengikut statistik yang dikeluarkan oleh Sistem Maklumat Dadah Kebangsaan, Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), jumlah terkumpul bilangan penagih dadah yang dikesan dari bulan Januari 2006 hingga Februari 2016 di Malaysia adalah seramai 197,294 orang.

Bagi tempoh tahun 2006 hingga Februari 2016, negeri Pulau Pinang mencatatkan bilangan penagih dadah yang tertinggi, iaitu seramai 32,163 orang. Bangsa Melayu mencatatkan bilangan penagih dadah yang tertinggi dengan 153,283 orang bagi tempoh tahun 2006 ke tahun 2016.

Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) sentiasa memantau aspek kepulihan klien di bawah program dalam komuniti bagi kes-kes klien yang dibebaskan dari institusi (pusat pemulihan) dan bagi klien yang berada dalam komuniti. Berdasarkan pemantauan dan penilaian semasa oleh AADK, didapati kadar kepulihan bekas-bekas klien pusat pemulihan adalah antara 55 – 60 peratus berbanding dengan kadar yang relaps antara 40 – 45 peratus.

AADK melaksanakan kaedah pengukuran kepulihan klien mengikut *evidence-based practices* yang berdasarkan definisi *Principles of*

Recovery Substance Abuse and Mental Health Services Administration (SAMHSA). Kaedah ini mengguna pakai 6 indeks kepulihan iaitu:-

- i. Penggunaan dadah dan bahan;
- ii. Sokongan Kepulihan
- iii. Pekerjaan
- iv. Kefungsian Sosial
- v. Kesediaan Untuk Berubah.
- vi. Kesihatan Psikologikal dan Mental